

Beverly, Sendil dan N'Z iringi Cebagoo ke separuh akhir

OLEH FRANCIS XAVIER
francis@newsabahtimes.com.my

KOTA KINABALU: Beverly FC, Sendil FC dan N'Z Soccer Team mengesahkan tempat di separuh akhir pada hari terakhir peringkat kumpulan Liga Bolasepak Carino Safa yang diadakan hujung minggu lalu.

Tiga pasukan itu mengiringi Cebagoo FC yang telah melayakkan diri seminggu sebelum itu.

Cebagoo menamatkan saingan kumpulan dengan menduduki tangga teratas Kumpulan A setelah mengumpul 13 mata hasil empat kemenangan dan seri sekali.

Beverly FC memastikan tempat kedua dengan 12 mata menerusi empat kemenangan dan kalah sekali. Kekalahan tunggal mereka kepada Cebagoo dalam perlawanan pertama.

Bagaimanapun mereka terpaksa menanti hingga perlawanan terakhir menentang Polis Sabah sebelum mengesahkan kemaraan ke separuh akhir.

Dengan kemenangan diperlukan, Beverly FC turun dalam perlawanan terakhir kumpulan menentang Polis Sabah dengan aksi di tahap terbaik.

Usaha mereka membuahkan hasil apabila membelasah lawan 6-2 dan seterusnya memastikan tempat di separuh akhir.



AKSI HUJUNG MINGGU... bekas pemain sayap negeri Billyton Vun (kiri), mewakili Cebagoo FC, cuba menggelecek melepasi lawannya dalam perlawanan hujung minggu lalu menentang UMS FC di padang Sukma di Likas.

Dalam satu lagi perlawanan Kumpulan A, Cebagoo mengatasi UMS FC 2-1 manakala Likas United FC dan Ujana FC seri.

Dalam saingan Kumpulan B, Sendil FC menduduki tangga teratas dengan 11 mata. Pasukan tangga kedua N'Z Soccer Team turut mengumpul 11 mata tetapi Sendil memiliki perbezaan gol lebih baik.

Sendil merobek CKSC 9-0 dalam perlawanan terakhir kumpulan manakala N'Z mengatasi Safa KK Junior 1-0. Satu lagi perlawanan kumpulan itu menyaksikan JKR Sabah mengatasi Karamunich 3-2.

Pengurus Sendil Mohd Isquzawan Israaq Hj Arsit mengucapkan tahniah kepada pemain-pemainnya tetapi memberi

peringatan saingan belum berakhir.

"Pemain telah melaksanakan tugas dengan baik, saya harap mereka dapat meneruskan usaha ini," kata Mohd Isquzawan.

Untuk rekod, Sendil FC akan bertemu Beverly di separuh akhir.

Sementara itu, pengurus Cebagoo Mohd Joh Hj Wid mengingatkan anak-anak buahnya agar tidak terlalu terbuai dengan prestasi baik di peringkat kumpulan.

"Bermain baik di peringkat kumpulan sahaja tidak memadai, pemain sedar usaha mereka tidak bermakna sekiranya mula bersikap sambil lewa pada pertandingan kalah mati," kata Joh.